

D989

R 8358 BAH

PERUTUSAN

KUALA LUMPUR, 16 SEPT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PERGERAKAN PEMUDA BARISAN NASIONAL KERANA MENGADAKAN PERHIMPUNAN RAKSASA ULANGTAHUN PENUBUHAN MALAYSIA DI STADIUM JALAN RAJA MUDA DI SINI HARI INI YANG DIADAKAN BUAT JULUNG-JULUNG KALINYA.

DALAM PERUTUSAN TERMUAT PADA BUKU CENDERAMATA SEMPENA PERHIMPUNAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA INI MERUPAKAN PETANDA YANG BAIK KERANA KEMAMPUAN DAN KEBOLEHAN UNTUK BEKERJASAMA SEPERTI INI BUKAN SAHAJA AKAN MENINGKATKAN KEYAKINAN MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA TETAPI JUGA KEYAKINAN DUNIA AKAN KESTABILAN POLITIK DAN SOSIOEKONOMI NEGARA PADA MASA DEPAN.

BELIAU BERKATA PERHIMPUNAN ITU YANG DISERTAI OLEH RAKYAT SARAWAK DAN SABAH AKAN MENERATKAN PERHUBUNGAN DAN PERASAAN SALING FAHAM-MEMAHAMI DI KALANGAN PENDUDUK DI NEGARA INI PADA KESELURUHANNYA.

+PELUANG UNTUK BERJUMPA DAN BERMESRA SEPERTI INI ADALAH SATU KESEMPATAN YANG BAIK BAGI MENERATKAN TALI PERSAUDARAAN ANTARA KITA, APATAH LAGI MEMANDANGKAN IA DIADAKAN BAGI MENINGATI SATU DETIK YANG PENTING DALAM SEJARAH NEGARA,+ KATANYA. -- LAGI.

1851MST 16 09 85

PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM DALAM PERUTUSANNYA BERHARAP PERHIMPUNAN ITU DAPAT MENGEMBALIKAN SEMANGAT NASIONALISME DAN MENJADI TERAS PERPADUAN KAUM UNTUK FAEDAH MASYARAKAT MALAYSIA.

+PADA SAAT KITA MENIKMATI KEJAYAAN-KEJAYAAN YANG DICAPAI HASIL TITIK PELUH SELURUH RAKYAT DAN KERAJAAN, MAKA KITA HARUSLAH JUGA MEMPERTINGKATKAN SEMANGAT INTEGRASI, SUPAYA PERPADUAN RAKYAT AKAN TERUS KEKAL DEMI KESEJAHTERAAN NEGARA,+ TEGAS BELIAU.

DATUK MUSA BERKATA SALAH SATU USAHA UNTUK MEMPERTINGKATKAN INTEGRASI RAKYAT DARI SABAH, SARAWAK DAN SEMENANJUNG MALAYSIA IALAH DENGAN KUNJUNG-MENGUNJUNGI SATU SAMA LAIN. -- BERNAMA

1852MST 16 09 85